

KEPIMPINAN DIRI DAN ORGANISASI DALAM ERA AI



BUTIRAN PROGRAM

FAKULTI	TARIKH/MASA	YURAN [*]	MOD LATIHAN
Prebagaran Jayaraman	1 - 2 July 2026 9.00AM - 5.00PM	RM3,200 USD800 Yuran program boleh dituntut sepenuhnya (100%) di bawah skim HRD Corp. Tertakluk kepada terma dan syarat.	Secara Bersemuka @ Asia School of Business

Nota: *


- Tidak termasuk Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) 8%.
- Yuran tidak termasuk penginapan di ASB Residential (Kediaman ASB) bagi peserta luar kawasan / luar negara; namun penginapan boleh diuruskan dengan kos tambahan.
- Harga dalam USD adalah harga anggaran sahaja. Semua yuran akan diinvois dalam Ringgit Malaysia (RM). Amaun dalam USD dipaparkan sebagai rujukan sahaja dan tertakluk kepada kadar pertukaran semasa pada tarikh pembayaran.

Gambaran Keseluruhan Program

Dalam era kecerdasan buatan (AI), teknologi semakin pantas, data semakin banyak, dan keputusan perlu dibuat dengan lebih cepat berbanding sebelum ini. Namun, kegagalan kepimpinan hari ini jarang berpunca daripada kekurangan teknologi. Antara sebab kegagalan kepimpinan ialah kelemahan mengurus diri, emosi, kurang fokus serta kelemahan perhubungan interpersonal.

AI boleh membantu kita berfikir dengan lebih pantas, tetapi AI tidak boleh menggantikan nilai kemanusiaan, pengurusan emosi serta membina keyakinan dalam hubungan manusia. Di sinilah kepimpinan sebenar bermula; pengurusan diri sebelum mengurus organisasi.

Kursus ini bukan sekadar perbincangan konsep. Peserta kursus akan membina kompetensi untuk pembangunan peribadi dan professional berlandaskan kerangka Upgrade Diri seperti dalam Rajah 1:



Rajah 1: Kerangka Upgrade Diri

Hasil Pembelajaran

Pada akhir program ini, peserta akan dapat:

- Menilai amalan pengurusan diri semasa dalam konteks kerja berasaskan AI.
- Memilih strategi yang sesuai untuk meningkatkan fokus, kawalan emosi dan disiplin tindakan.
- Menganalisis situasi kerja sebelum membuat keputusan kepimpinan.
- Menentukan keputusan kepimpinan yang berkesan.
- Mengaplikasikan teknik komunikasi interpersonal untuk membina kepercayaan dalam interaksi profesional.
- Mengaplikasikan teknik komunikasi bagi mengurangkan konflik di tempat kerja.
- Merancang amalan kolaborasi yang menyokong kerjasama pasukan.
- Merangka pelan tindakan kepimpinan berasaskan kompetensi *Upgrade Diri*.

Siapa Yang Perlu Hadir

Kursus ini amat sesuai untuk penyelia dan pengurus peringkat pertengahan (*middle level managers*).

Rangka Program

Hari Pertama

Sesi 1: Pengurusan Diri dalam Persekitaran Kerja Berasaskan AI

- Realiti kerja baharu: gangguan digital, overload maklumat dan keputusan pantas
- Menilai tahap pengurusan diri semasa
- Kesedaran diri dan tanggungjawab untuk membawa perubahan.
- Bagaimana membina fokus kerjaya.
- Strategi mengawal emosi dalam situasi tekanan kerja.

Sesi 2: Strategi Membuat Keputusan

- Membuat keputusan yang bijak dan berlandaskan data.
- Menganalisis situasi sebelum bertindak
- Menentukan pilihan tindakan kepimpinan yang sesuai
- Disiplin dan akauntabiliti.

Sesi 3: Komunikasi dan Hubungan Interpersonal Berkesan

- Prinsip komunikasi membina kepercayaan
- Mendengar secara profesional dan memahami perspektif orang lain
- Teknik komunikasi mengurangkan konflik
- Mengurus emosi dalam interaksi kerja
- Membina hubungan kerja yang matang dan beretika

Hari Kedua

Sesi 1: Kolaborasi dan Komitmen Pasukan

- Psikologi kerjasama dalam organisasi moden
- Halangan kolaborasi di tempat kerja
- Peranan pemimpin dalam membina keselamatan psikologi
- Merancang amalan kolaborasi praktikal
- Latihan simulasi situasi kerja sebenar

Sesi 2: Kepimpinan Berasaskan Kompetensi untuk Prestasi Organisasi

- Hubungan pembangunan diri dengan prestasi organisasi
- Prinsip etika dan tanggungjawab kepimpinan
- Kaizen dan penambahbaikan berterusan
- Inovasi praktikal di tempat kerja
- Merangka pelan tindakan berasaskan *Upgrade Diri*

Fakulti



Mejar (B) Dr. Prebagaran Jayaraman (Dr. Praba) ialah pakar pembangunan kepimpinan dan pembelajaran organisasi dengan lebih 35 tahun pengalaman dalam bidang latihan, pengurusan projek dan pembangunan kompetensi.

Beliau memiliki PhD dalam *Engineering Business Management* dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dengan fokus penyelidikan terhadap keberkesanan pembelajaran dan perubahan tingkah laku di tempat kerja. Beliau juga merupakan Project Management Professional (PMP) dan PMI Risk Management Professional (PMI-RMP).

Dr. Praba pernah terlibat secara langsung sebagai ahli pasukan Projek New Generation Patrol Vessel, di mana kemahiran kepimpinan diri, disiplin tindakan dan kolaborasi manusia menjadi faktor kejayaan utama pemindahan teknologi antarabangsa. Pengalaman ini membentuk kepakaran beliau dalam menterjemahkan pembelajaran kepada prestasi sebenar organisasi.

Sebagai *Certified Learning Transfer Designer*, beliau membantu organisasi memastikan latihan bukan sekadar menambah ilmu tetapi menghasilkan perubahan tingkah laku dan keputusan kerja. Beliau telah melatih peserta dari lebih 15 negara dalam bidang kepimpinan, pengurusan projek dan pembangunan kompetensi.

Pendekatan beliau menekankan bahawa dalam era AI, kelebihan daya saing organisasi bukan hanya pada teknologi, tetapi pada keupayaan manusia mengurus diri, emosi dan membuat keputusan kepimpinan yang berkesan.



Asia School of Business (DU046(W))

Iclif Executive Education Center

ASB Academic, No 11, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur

Email: ExecEd@asb.edu.my

exec.asb.edu.my



[asbiclif](#)



[@asb.iclif](#)



[asbiclif](#)



[asb iclif](#)

SCAN ME



Kepimpinan Diri dan
Organisasi dalam Era AI

